

# TerraMix™ Fiber & Greens

## Soalan Lazim



## **1. Bolehkah saya mengambil produk ini dengan PB Assist+?**

*A. Boleh, pengambilan kedua-dua produk bersama boleh memberikan kesan sinergi kerana PB Assist+ mengandungi probiotik manakala dōTERRA Fiber & Greens mengandungi serat dan prebiotik. Probiotik adalah mikroorganisma hidup atau bakteria yang mesra yang dapat memberikan manfaat kesihatan apabila dihadam dalam kuantiti yang mencukupi. Prebiotik pula adalah sumber makanan yang boleh digunakan oleh bakteria mesra untuk menggalakkan pertumbuhan dan pembiakan.*

## **2. Adakah Fiber & Greens melekat seperti produk serat lain selepas penyediaan?**

*A. Inilah keunikan Fiber & Greens dōTERRA. Ia tidak mempunyai sifat gel atau berlendir. Ia semirip jus jernih yang meningkatkan pengalaman minum keseluruhan.*

## **3. Adakah vitamin dan mineral dalam produk ini mencukupi untuk keperluan harian?**

*A. Tujuan utama produk ini adalah untuk menyediakan cara yang mudah untuk meningkatkan pengambilan serat dalam makanan.*

## **4. Bagaimana cara anda menggunakan produk ini?**

*A. Campurkan satu bungkus dengan 150-200mL air dan kacau sehingga larut sebelum diminum. Anda juga boleh tambahkan dalam minuman yang lain. Ambil 1-2 bungkus setiap hari.*

## **5. Adakah Fiber & Greens ini mencukupi sebagai pengganti makanan?**

*A. dōTERRA Fiber & Greens adalah penyokong serat/prebiotik dan antioksidan yang baik, ia sesuai untuk individu yang kurang makan sayur-sayuran sebab ia tidak ada bau berumput.*

**6. Bila saya harus mengambil produk ini?**

*A. Produk ini boleh diambil pada bila-bila masa sepanjang hari.*

**7. Bolehkah vegetarian atau vegan mengambil produk ini?**

*A. Boleh, produk ini kebanyakannya terdiri daripada sumber tumbuhan dan sesuai untuk vegetarian atau vegan. Namun, produk ini mengandungi ekstrak bawang merah dan bawang putih; sebahagian vegan atau vegetarian tidak makan bawang merah dan bawang putih.*

**8. Bolehkah sesiapa yang mengidap penyakit kronik mengambil produk ini?**

*A. Penyakit kronik mempunyai tahap keparahan yang berbeza, dan batasan adalah berbeza bagi setiap individu. Oleh itu, individu yang menghadapi penyakit kronik dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat doktor atau pakar perubatan sebelum mengambil pemakanan tambahan baru.*

**9. Bolehkah kanak-kanak mengambil produk ini?**

*A. TerraMix Fiber & Greens adalah untuk orang muda dan dewasa. Oleh itu, kami mencadangkan untuk dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan.*

**10. Bolehkah wanita hamil/menyusu mengambil produk ini?**

*A. Setiap kehamilan adalah unik. Oleh itu, kami mencadangkan untuk dapatkan nasihat doktor anda sebelum menggunakan.*